# Wadah مايق

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PERCUMA

BIL. 17 • EDISI KEDUA • 2015




# SULTAN BERKENAN TERIMA ZAKAT PERNIAGAAN



## Perasmian D'ASNAF CAFE



## KURSUS KEMAHIRAN Untuk Anak Asnaf


Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.
Tel: 05-208 4000 • Faks: 05-241 4257 • E-mel: korporat@maiamp.gov.my

DARI MEJA
# KETUA EDITOR



***Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera.***

Segala puji bagi Allah yang mentadbir seluruh alam ini. Salam dan selawat ke atas Rasulullah SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan umat Islam.

Kita sentiasa didendangkan dengan perkataan wakaf. Daripada perkataan itu timbul perkataan wakaf am, khas, saraan bahkan wakaf tunai. Bagi masyarakat yang sentiasa menghadiri kuliah di masjid atau surau mengetahui maksud perkataan-perkataan tersebut.

Wakaf bermaksud apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya. Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT.

Wakaf tunai pula merupakan amalan berwakaf melalui wang tunai yang dipungut oleh MAIPk dan dikumpulkan dalam satu tabung amanah. Tabung tersebut diuruskan oleh MAIPk bagi tujuan kebajikan dan manfaat ummah.

Kini, masyarakat Islam mempunyai pilihan untuk berbuat kebajikan dalam aspek wakaf. Jika tiada harta fizikal, umat Islam masih boleh melakukan wakaf iaitu wakaf tunai. Wang tunai yang dikumpulkan oleh MAIPk akan digunakan untuk pembangunan sosio ekonomi umat Islam di Negeri Perak.

Semoga amalan berwakaf termasuklah wakaf tunai subur di kalangan umat Islam. Pahala daripada amalan wakaf berkembang dan mengalir berterusan sehinggalah ke Hari Kiamat dengan izin Allah.

Sekian, terima kasih.

**WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN**



## SIDANG REDAKSI


**Penasihat :**
Dr. Amiruddin bin Muhamed

**Ketua Editor :**
En. Wan Abdul Halim Hafiidz b. Mohd Amin

**Editor :**
En. Shamsul Anuar bin Zakaria

**Jurufoto :**
En. Mohd Syakirin bin Jalaludin
En. Bukhairi bin Abd. Rahman

**Edaran :**
Unit Perhubungan Korporat

**Diterbitkan oleh :**
Unit Perhubungan Korporat
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-2084000
Faks: 05-2414257

**Laman web :**
www.maiamp.gov.my

**Emel :**
korporat@maiamp.gov.my

**Facebook :**
Zakat Perak - MAIPk



**© Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak**

**Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.**


## KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| SEMASA | 3-8 |
| BERITA SANA SINI | 09-10 |
| KERATAN AKHBAR | 11-12 |

# PENGAGIHAN BANTUAN HARI RAYA 'AIDILFITRI 1436H OLEH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

## Daerah Kuala Kangsar | 09 Julai 2015














## Daerah Hulu Perak | 15 Julai 2015












# PENYERAHAN ZAKAT OLEH SYARIKAT-SYARIKAT KEPADA PIHAK MAIPk MELALUI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

## Penyerahan Zakat Berjumlah RM21.51 Juta

04 Julai 2015







## Penyerahan Zakat Berjumlah RM9.13 Juta

12 Julai 2015







# Singgah RAMADHAN MAIPk 2015



IPOH – Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim pada Majlis Penyampaian Bantuan Hari Raya di Pusat Harian Kanak-Kanak Spastik, Ipoh pada 09 Julai 2015. Seramai 100 individu yang menerima sumbangan wang tunai berjumlah RM200. Mereka terdiri daripada anak-anak yatim, orang kurang upaya, warga emas dan ibu tunggal yang tergolong dalam asnaf Fakir dan Miskin.





Pada 13 Julai 2015, KPE MAIPk bersama sebahagian pekhidmat MAIPk melakukan ziarah menemui keluarga yang tergolong dalam asnaf Fakir dan Miskin. Beliau menyampaikan sumbangan wang tunai bagi persiapan menghadapi Hari Raya 'Aidilfitri serta juadah makanan untuk berbuka puasa. Di rumah terakhir, beliau dan rombongan turut berbuka puasa bersama keluarga yang diziarahi.




Secara keseluruhannya MAIPk memperuntukkan sebanyak RM4.2 juta dari wang zakat untuk bantuan hari raya tahun ini dengan melibatkan 21,000 penerima dalam Negeri Perak.













# Perasmian D'ASNAF CAFÉ OLEH MUFTI PERAK

IPOH - D'Asnaf Café, restoran pertama milik Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) dibuka secara rasmi kepada orang ramai pada 20 Ogos 2015. Restoran yang beroperasi di Jalan Onn Jaafar itu telah dirasmikan oleh Mufti Perak, Tan Sri Dato' Seri Harussani Zakaria. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Dr. Amiruddin Mohamed, D'Asnaf Café merupakan satu inisiatif MAIPK untuk membantu golongan asnaf meningkatkan pendapatan.



oleh pihak MAIPK dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Negeri Perak itu bertujuan membantu asnaf bagi meningkatkan pendapatan mereka dalam perniagaan restoran. Asnaf-asnaf yang terlibat diberi bimbingan dan latihan oleh syarikat terlatih dalam bidang penyediaan makanan dan minuman.

Selain itu ujar Dr. Amiruddin, restoran ini juga menjadi platform kepada golongan asnaf yang sebelum ini membuat kuih secara kecil-kecilan di rumah untuk memasarkan hasil produk mereka.







D'Asnaf Café dibuka setiap hari dari pukul 8 pagi hingga 10 malam dengan menyediakan pelbagai menu. Antara menu di restoran ini ialah aneka lauk pauk masakan tradisi dan moden untuk hidangan tengahari selain nasi ayam, mee kari, laksa serta menu ala carte. D'Asnaf Café juga menawarkan perkhidmatan katering untuk pelbagai acara seperti kenduri kahwin, doa selamat, jamuan berbuka puasa, hari terbuka serta acara korporat. Selain itu, restoran ini turut menjual pelbagai pes seperti nasi ayam, tomyam, briyani, nasi goreng serta sos lada hitam. Masyarakat Islam di Negeri Perak khususnya di Ipoh dijemput singgah ke D'Asnaf Café bagi menyemarakkan restoran milik umat Islam.

# MAIPk Bantu Ubah Taraf Hidup Asnaf







IPOH - Pihak MAIPk mengadakan kerjasama dengan Beruntung Skill Training Centre (BSTC) bagi memberi kursus kemahiran kepada 30 orang remaja dari keluarga fakir dan miskin di Negeri Perak. Kursus tersebut merupakan Kursus Kompetensi Operator Kren Beroda dan Berantai selama dua bulan. Kursus tersebut diadakan di pusat latihan tersebut. Permintaan pekerjaan terhadap bidang ini di pasaran adalah tinggi. Sebahagian besar para peserta yang mengikuti kemahiran ini akan memperolehi pekerjaan.

Pada 14 Ogos 2015, satu memorandum persefahaman (MoU) antara pihak MAIPk dengan BSTC telah ditandatangani bagi pelaksanaan kursus kemahiran tersebut untuk remaja dari keluarga fakir dan miskin. Pada hari tersebut, para pelajar yang terpilih mengikuti kursus tersebut diberi taklimat serta dibawa ke pusat latihan tersebut. Anak-anak daripada keluarga fakir dan miskin yang tidak dapat masuk ke universiti bukan menjadi suatu alasan untuk tidak berjaya. Semoga mereka tidak berputus asa mengubah kemiskinan, malah menghargai wang zakat yang penuh barakah ini untuk mengubah taraf hidup. InsyaAllah, selepas mengikuti kursus ini, tidak mustahil mereka menjadi pemberi zakat suatu hari nanti.

## Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan & Hari Raya 'Aidilfitri Kg. Gajah

KG. GAJAH - Pada 7 Julai 2015 (Selasa), satu Majlis Kuliah Ramadhan dan Penyampaian Bantuan Aidilfitri telah diadakan di Dewan Mellineum, Kompleks Pentadbiran Daerah, Kg Gajah. Majlis telah dimulai dengan kuliah Ramadhan bertajuk 'Berzakat Dan Berwakaflah' yang telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Latiff bin Talib, Pegawai Unit Dakwah dan Amil MAIPk. Seterusnya ucapan Y.Bhg Dr.Amiruddin bin Muhamed, Ketua Pegawai Eksekutif, MAIPk. Beliau menjelaskan bahawa peranan MAIPk perlu mencari asnaf dan bukan hanya menunggu asnaf datang ke pejabat.Beliau juga menjelaskan bahawa sebanyak RM25 juta setahun wang zakat telah dibelanjakan untuk tujuan dialisis. Sehubungan itu, MAIPk dalam perancangan untuk membangunkan sebuat pusat dialisis di Teluk Intan. Peruntukkan adalah dari dana wakaf tunai.





Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' Seri Haji Mohd Ghazali bin Hj Abdul Rahman, Orang Besar Jajahan Perak Tengah. Dalam ucapan perasmian, Y.Bhg Dato' Seri Haji Mohd Ghazali bin Hj Abdul Rahman, mengucapkan ribuan terima kasih kerana dapat bersama dalam majlis tersebut. Ini juga akan memberikan persepsi yang baik kepada masyarakat bahawa MAIPk sentiasa rapat dengan masyarakat. Dengan cara ini akan mewujudkan persefahaman yang ikhlas antara MAIPk dan masyarakat. Y.Bhg Dato' Seri juga menyarankan agar ibadaf wakaf di galakkan kepada masyarakat walaupun dalam jumlah yang sedikit.

Tahniah juga diberikan kepada Pejabat MAIPk Daerah Kg Gajah kerana berjaya menganjurkan majlis ini dengan jayanya. Diantara bantuan-bantuan yang diagihkan ialah Bantuan Persekolahan Daerah Kg Gajah dan Seri Iskandar, Bantuan Aidilfitri Fakir Miskin Kariah Masjid Daerah Kg Gajah dan penerima Bantuan Bulanan Tunai Fakir Miskin Daerah Kg Gajah.

# MAIPk Sumbangkan Tiga Bot

## Untuk Kegunaan Mubaligh Dan Orang Asli

GERIK – Satu majlis penyerahan tiga buah bot kepada Mubaligh Islam dan penduduk perkampungan Orang Asli Kampung Tibang, Gerik oleh MAIPk telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr.Amiruddin Bin Mohamed. Penyerahan tersebut diadakan pada 12 Mei 2015. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, JAIPk, Tuan Haji Mohd Kamal bin Mohd Nor beserta pegawai dan kakitangan MAIPk Daerah Gerik.







Majlis ini bermula dengan membawa ketiga-tiga buah bot yang bernilai RM56,000.00 dari jeti Tasik Banding ke perkampungan orang asli tersebut. Penyerahan bot ini adalah kesinambungan daripada lawatan KPE MAIPk pada Januari lalu ketika perkampungan tersebut dilanda musibah banjir dan menenggelamkan keseluruhan rumah penduduk di situ. Hasil ziarah tersebut, pihak MAIPk mendapati penduduk di situ tiada kemudahan pengangkutan untuk mereka mencari hasil tasik dan kemudahan keluar masuk dari kampung ke bandar Gerik. Oleh sebab itu, atas dasar keprihatinan dan tanggungjawab MAIPk menyantuni asnaf Muallaf, maka dua buah bot diluluskan untuk kegunaan penduduk kampung tersebut dan sebuah bot diluluskan untuk kegunaan mubaligh bagi memudahkan pendakwah memasuki perkampungan tersebut melaksanakan tangggungjawab dakwah.





## 175 FAKIR MISKIN DAPAT MANFAAT HASIL KERJASAMA MAIPK & PLUS MALAYSIA BERHAD AGIH ZAKAT

GERIK – Pihak MAIPk Daerah Gerik dengan kerjasama pihak PLUS Malaysia Berhad (PMB) telah mengadakan Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan dan Persekolahan kepada para asnaf Daerah Gerik. Majlis tersebut telah diadakan pada 26 Mei 2015 di Dewan Persidangan Gerik. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Dr. Amiruddin bin Muhamed dan Ketua Jabatan Kewangan PMB, En. Othman bin Mohamad hadir menyempurnakan majlis tersebut. Dalam majlis tersebut, pihak PMB mengagihkan RM70 ribu kepada 175 fakir dan miskin Daerah Gerik manakala pihak MAIPk mengagihkan bantuan persekolahan untuk para pelajar yang fakir dan miskin kepada sembilan buah sekolah menengah Daerah Gerik berjumlah RM127 ribu.



















Menurut En. Othman, pengagihan zakat pihak PMB menerusi pihak MAIPK adalah salah satu tanggungjawab sosial PMB kepada mereka yang memerlukan melalui Program Korporat Prihatin. Menurutnya lagi, PMB turut prihatin beban yang ditanggung oleh mereka yang kurang bernasib baik dan mengharapkan dengan bantuan ini dapat mengurangkan beban mereka di samping pihak PMB dapat menunaikan tanggungjawab sebagai pembayar zakat kepada pihak MAIPk.



Program Motivasi Asnaf Daerah Tapah pada 19 Mei 2015



Persidangan Khas MAIPk 2015 pada 23 Mei 2015



Jejak Asnaf MAIPk Slim River pada 25 Mei 2015



Forum Wacana Ilmu anjuran MAIPk Tapah dengan kerjasama Sek. Menengah Sains Mara Tapah pada 06 Jun 2015




Bicara Asnaf MAIPk Daerah Manjung bersama Pegawai Daerah Manjung merangkap Pengerusi Bersama Jawatankuasa Baitulmal Daerah Manjung



Majlis Penyampaian Bantuan Zakat MAIPk Daerah Slim River pada 11 Jun 2015



Ops Lengkap MAIPk Daerah Kampar berkaitan pencarian lokasi tanah-tanah wakaf pada 16 Jun 2015



Majlis Penyerahan Bantuan Hari Raya 'Aidilfitri Epic Valley dengan kerjasama MAIPk Daerah Bagan Serai



Majlis Penyerahan Bantuan Hari Raya 'Aidilfitri Epic Valley dengan kerjasama MAIPk Daerah Selama




Penyerahan Zakat Perniagaan Etiqa Takaful Berhad kepada pihak MAIPK pada 10 Julai 2015



Majlis Penyerahan Bantuan Hari Raya 'Aidilfitri 1436H kepada Fakir Miskin Daerah Ipoh pada 13 Julai 2015



Majlis Ramah Mesra 'Aidilfitri 1436H dengan Wakil-Wakil Media Negeri Perak pada 07 Ogos 2015

## Maipk belanja lebih RM700,000

Biayai pengajian 20 anak-anak golongan asnaf, fakir miskin melalui Skim Latihan Kemahiran Asnaf tahun lalu



## Maipk sumbangkan tiga bot





KUALA KANGSAR / HULU PERAK

## Penceramah perlu memiliki tauliah



# Kembara MAIPk Agih Zakat RM3.39j

SUARA PERAK 16-31/5/15

PARIT BUNTAR - Sejumlah RM3.39 juta agihan zakat disalurkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) melalui pelbagai bentuk bantuan dalam program Kembara MAIPk Zon Utara yang diadakan baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr Amiruddin Muhamed berkata, penyaluran keseluruhan peruntukan agihan zakat itu meliputi empat kawasan iaitu Parit Buntar, Bagan Serai, Selama dan Taiping.

Menurutnya, bentuk agihan bantuan zakat adalah melibatkan bantuan bina rumah, persekolahan, modal perniagaan, pembangunan Islam, perubatan dan wang saku serta bantuan dapur.

"Berdasarkan statistik agihan zakat mengikut kawasan, daerah Taiping merupakan daerah penerima sumbangan agihan zakat tertinggi iaitu melibatkan nilai RM1.92 juta, diikuti kawasan Parit Buntar(RM650,750), Selama(RM589,622) dan Bagan Serai(RM224,100).

"Daripada nilai keseluruhan peruntukan itu, bantuan bina rumah dikenal pasti menerima agihan tertinggi apabila sejumlah RM2,242,000 disalurkan melibatkan 53 penerima dari empat kawasan tersebut.

"Ianya diikuti bantuan persekolahan berjumlah RM847,450 melibatkan 3201 pelajar, bantuan pembangunan Islam(RM145,000), bantuan modal (RM85,212), bantuan perubatan (RM11,450), wang saku dan dapur (RM11,250) dan bantuan kewangan bulanan (RM42,850)," katanya pada majlis pelancaran Kembara MAIPk 2015 melibatkan Zon Perak Utara di Mydin Mall, di sini baru-baru ini.

Dr Amiruddin berkata, program itu merupakan acara tahunan pihaknya yang bertujuan mendidik dan memberi kesedaran kepada golongan pentadbir dan pembuat dasar supaya turun padang untuk merasai sendiri kepayahan dan menyelami realiti sebenar kesukaran dihadapi golongan memerlukan selama ini.

Menurutnya, selain itu, program tersebut turut memberi peluang kepada MAIPk untuk meninjau perkembangan kesemua penerima bantuan daripada agensi itu.

"MAIPk mengambil pendekatan turun ke kawasan pedalaman untuk memberikan bantuan, berbanding mereka datang sendiri ke pejabat menghantar borang permohonan.

"Melalui pendekatan sebegini, masyarakat juga akan mula buka mata dan menyedari keseluruhan wang kutipan zakat yang dikutip daripada mereka sebenarnya disalurkan semula kepada golongan asnaf yang memerlukan," ujarnya.



## Sultan Nazrin rasmi Masjid Al-Ansar



## Sultan Nazrin terima zakat perniagaan RM21.5j

## Maipk salur RM4.2 juta bantuan

Bantu meringankan beban lebih 21,011 asnaf yang layak di seluruh negeri



BERITA NEGERI

## Agihan adil bantu tingkat kutipan zakat: Maipk





## Bangga diberi pengiktirafan

Masjid Al-Ansar dipilih penganjur sambutan Nuzul Quran peringkat negeri Perak





38 Berita Harian • Isnin 6 Julai 2015

BERITA NEGERI

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan merasmikan Masjid Al-Amar, Halaman Meru Impian, Ipoh, petang kelmarin.

Lengkap berbaju Melayu ungu dengan diiringi Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa dan Raja Di-Hilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Idris Shah, baginda turut berkenan menyempurnakan upacara menyiram pokok kurma sebagai simbolik perasmian yang disaksikan oleh kira-kira 1,000 rakyat jelata.

Sultan Nazrin seterusnya berbuka puasa dan turut menunaikan solat Maghrib di masjid berkenaan.

Pada majlis sama, Sultan Nazrin turut berkenan menyampaikan sumbangan Aidilfitri daripada Majlis Agama Islam Perak dan Adat Melayu Perak (Maipk) sebanyak RM526,200 kepada penghulu yang mewakili 2,631 penerima dari lapan mukim.

Baginda turut menyampaikan replika kunci van jenazah yang disumbangkan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) kepada Pengerusi masjid, Muntaha Kamil Halid.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir dan barisan exco kerajaan negeri.

Sultan Nazrin (kanan) mengarin dua yang dibacakan.

Pengerusi Masjid Al-Amar, Halaman Meru Impian, Muntaha Kamil Halid menerima replika kunci daripada Sultan Nazrin sebagai simbolik penyerahan van jenazah sumbangan PKNP.

Jemaah Masjid Al-Amar, Halaman Meru Impian mengambil peluang beramah mesra dan bersalaman dengan Sultan Nazrin.

Sultan Nazrin beramah mesra dengan Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria.

Raja Jaafar menyiram pokok kurma ajwa (kurma nabi) sempena Majlis Perasmian Masjid Al-Amar.



UTUSAN MALAYSIA • RABU 26 OGOS 2015

MAIPk buka D'Asnaf Cafe

# Bantu asnaf berniaga

Oleh SAYED HESHAM IDRIS
utusanperak@utusan.com.my

■ IPOH 25 OGOS

DALAM usaha membantu golongan asnaf, Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) memberi peluang kepada mereka menjalankan perniagaan makanan di sebuah restoran yang dibuka khas untuk golongan itu di Jalan Osman Jaafar di sini yang dikenali D'Asnaf Cafe.

Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Aminuddin Mohamed berkata, restoran tersebut beroperasi dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja negeri untuk membantu meningkatkan pendapatan golongan asnaf.

Menurut beliau, di restoran tersebut, golongan asnaf diberi peluang menjual pelbagai makanan bermula daripada juadah untuk sarapan sehingga ke makan malam.

Katanya, kuih-muih turut dijual di restoran tersebut yang dibuat oleh golongan asnaf secara kecil-kecilan di rumah.

"Diharapkan menerusi perniagaan ini, golongan asnaf yang menerima zakat akan terkeluar daripada garis kemiskinan seterusnya menjadi golongan yang mengeluarkan zakat pula," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian cafe tersebut di sini baru-baru ini.

Majlis dirasmikan oleh Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria.

Menurut Aminuddin, selain menyajikan makanan, cafe ini turut menawarkan perkhidmatan catering dan kursus masakan.

"Turut dijual di cafe ini ialah hasil bakeri dan pes makanan yang dibuat sendiri oleh golongan asnaf di negeri ini," katanya.

Sementara itu, Harussani dalam ucapan dalam majlis tersebut mengajak golongan asnaf mengambil peluang menimba ilmu dan pengalaman dunia perniagaan sebagai bekalan jika mahu menceburi bidang tersebut.

Menurutnya, golongan asnaf sebenarnya sama seperti orang lain cuma mereka kurang bernasib baik dan perlu dibantu.

"Untuk itu, program sebegini diwujudkan untuk membantu mereka berniaga. Diharapkan dengan peluang seperti ini, golongan ini belajar betul-betul supaya mereka mampu membuka perniagaan sendiri pada masa akan datang," katanya.

HARUSSANI ZAKARIA (kiri) bertanyakan sesuatu kepada penyedia makanan di D'Asnaf Cafe di Ipoh, Perak, baru-baru ini.



UTUSAN MALAYSIA • RABU 8 OGOS 2015

Meringankan beban rawatan pesakit kurang berkemampuan

# Pusat hemodialisis di setiap daerah

Oleh AZLIZA MUSA

■ IPOH 7 OGOS

MAJLIS Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) merancang untuk membuka pusat hemodialisis di setiap daerah di negeri ini bagi meringankan beban rawatan pesakit dalam kalangan golongan yang tidak berkemampuan.

## 7 WASIAT RAJA-RAJA MELAYU

Kami namakan dan kami panggil dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung ***PERSEKUTUAN TANAH MELAYU*** (sekarang dikenali dengan nama Malaysia);

Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, ***TANAH SIMPANAN MELAYU*** sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain;

Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara;

Kami kekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan ***RAJA-RAJA MELAYU*** memerintah negara ini;

Kami isytiharkan ***ISLAM*** adalah Agama Persekutuan;

Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah ***BAHASA MELAYU***; dan

Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi ***KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN*** (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).



PNMB.Pk